



**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN PERKHIDMATAN MEDIA PUTRA**  
**SEKSYEN MEDIA KREATIF DAN VISIBILITI KORPORAT**  
**PUSAT STRATEGI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT**

**TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah permohonan perkhidmatan Media Putra.

**LATAR BELAKANG**

Media Putra merupakan sebuah jenama perkhidmatan yang disediakan oleh Seksyen Media Kreatif dan Visibiliti Korporat, Pejabat Pengurusan Strategi dan Perhubungan Korporat kepada seluruh warga Universiti Putra Malaysia. Perkhidmatan Media Putra merangkumi perkhidmatan seperti berikut:

- i. khidmat jurufoto
- ii. penerbitan montaj
- iii. penerbitan video
- iv. sorotan acara atau majlis
- v. produksi multi-kamera
- vi. siaran langsung
- vii. reka bentuk grafik.

**PERMOHONAN**

Permohonan perkhidmatan boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) pada halaman perkhidmatan <https://pspk.upm.edu.my/perkhidmatan-3872> bahagian permohonan perkhidmatan media putra.

Permohonan hendaklah dibuat seminggu (7 hari berkerja) sebelum hasil kerja (output) diperlukan atau majlis/acara dilaksanakan.

Permohonan yang berjaya boleh diakses pada halaman yang sama <https://pspk.upm.edu.my/perkhidmatan-3872> bahagian jadual perkhidmatan media putra.

### **PEMBATALAN PERKHIDMATAN**

PSPK berhak membatalkan perkhidmatan pada bila-bila masa bagi memberikan keutamaan kepada majlis/acara/kerja yang melibatkan pengurusan universiti atau kementerian.

### **CAJ PERKHIDMATAN**

Perkhidmatan Media Putra adalah percuma kepada seluruh warga Universiti Putra Malaysia kecuali bagi acara/majlis/kerja yang berorientasikan penjana pendapatan.

Bagi acara/majlis/kerja yang berorientasikan penjana pendapatan, kadar yang dikenakan adalah seperti pada Kadar Perkhidmatan ICT dan Kadar Caj Perkhidmatan di Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Bil. 1 (2018) 27 April 2018, Minit 2/1 (2018).

### **TARIKH KUAT KUASA**

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2022.

### **Pengarah**

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK)

Universiti Putra Malaysia

7 Oktober 2022